

# Pusat jagaan warga emas patut jadi institusi

LIMA lagi pusat jagaan harian warga tua bakal dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menjadikan 23 buah kesemuanya di seluruh negara!

Kenyataan ini sekali pandang seolah-olah membuktikan bahawa semakin ramai warga tua yang tidak diinginkan oleh anak-anak menjadikan pusat jagaan harian sebagai ganti perlindungan kepada mereka.

Bagaimanapun, apabila difahami peranannya sebagai pusat untuk warga emas berkumpul memenuhi masa lapang dengan pelbagai aktiviti berfaedah termasuk penjagaan kesihatan, komunikasi dan sebagainya, maka ia adalah satu usaha yang sangat baik.

Ramai warga tua yang tinggal bersama anak mereka di bandar dan waktu bekerja yang kadangkala berlanjutan sehingga ke malam memaksa warga tua tinggal bersendirian di rumah, memasak sendiri, tiada teman bicara, kesihatan yang tidak diawasi setiap masa

bahkan kemungkinan dirompak.

Hakikat ini perlu diakui kerana banyak juga laporan mengenai warga tua yang tinggal bersendirian dikelar dan dibunuh setelah dirompak kerana mereka mungkin melawan. Atas faktor keselamatan, warga tua yang kadangkala sudah nyanyuk wajar menghuni pusat jagaan harian sewaktu ketiadaan sesiapa di rumah. Ada juga penjenayah yang mengambil peluang untuk menjual batu geliga atau memperdaya warga tua dengan cabutan bertuah ketika mereka keseorangan di rumah.

Masyarakat tidak perlu melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang luar biasa kerana di luar negara, cara hidup seperti ini sudah lama diamalkan. Bahkan warga tua berasa dihargai kerana anak-anak sanggup mengeluarkan sejumlah wang untuk memastikan mereka selamat, terjaga dan gembira walaupun tidak dapat meluangkan sepenuh masa untuk mereka.

Warga tua juga boleh beribadat seca-

ra berjemaah, tadarus dan menghadiri 'usrah' atau 'halaqah' iaitu perbincangan dan peringatan melibatkan soal agama, tafsir, fikah, sosial, ekonomi dan sebagainya. Secara tidak langsung, ilmu yang belum mereka gapai semasa muda kerana tiada peluang atau kelapangan dapat dipelajari berbanding tinggal seorang diri di rumah menonton televisyen sepanjang masa.

Pusat jagaan harian yang menampung 300 orang warga tua sepanjang masa sudah tentu diurus dengan baik kerana ia berdaftar dan dipantau oleh kementerian yang berkenaan. Secara psikologi juga, warga tua yang mengalami kemurungan kerana ditinggal pasangan yang meninggal dunia tidak akan terbawa-bawa dengan sikap tersebut sekiranya dikelilingi oleh rakan-rakan yang ramai dan dengan pelbagai aktiviti.

Warga tua juga perlu bersedia sedari awal untuk menghadapi keadaan ini dan jangan menganggap apa yang dila-

kukan anak-anak sebagai menyusahkan mereka apatah lagi berasa jauh hati dengan hal tersebut. Bagaimanapun anak-anak perlu berbincang dengan ibu bapa mereka dan menerangkan pro dan kontranya sebelum membuat sebarang keputusan kerana ia melibatkan perasaan yang mudah tersentuh.

Perlu juga disarankan supaya pusat jagaan harian warga tua seperti ini memberi peluang kepada anak-anak muda atau remaja bekerja secara sukarela. Ini juga akan memupuk rasa hormat kepada orang tua, menambah kasih sayang, ikhlas membantu, belajar memenangi hati orang tua serta lebih memahami cara hidup mereka yang tentunya berbeza dengan yang muda. Ia juga sebagai persediaan masa tua ibu bapa mereka supaya mereka tidak kekok menghadapinya.

**- NIK SALIDA SUHAILA  
NIK SALEH,  
Nilai, Negeri Sembilan.**